**NO SOALAN : 27**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**
**PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [KANGAR]**

**TARIKH : 10 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [ KANGAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana kutipan hasil Kerajaan terjejas sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dari Mac 2020 sehingga akhir suku ketiga (akhir September) 2020.

**NO SOALAN : 27**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Semasa pembentangan Belanjawan 2020, Kerajaan telah mengumumkan unjuran jumlah hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2020 sebanyak RM244.5 bilion dengan andaian harga minyak mentah dunia Brent USD62 setong. Namun, krisis pandemik COVID-19 telah memberi impak yang besar kepada kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan. Sehubungan itu, anggaran hasil dijangka mengalami pengurangan sekitar 18%.

2. Pengurangan tersebut disebabkan oleh pendapatan perniagaan yang lebih rendah kerana aktiviti ekonomi yang perlahan selaras dengan kawalan pergerakan dalam negara dan di peringkat global serta tindakan pencegahan. Di samping itu, pengurangan kutipan hasil sebahagiannya disebabkan oleh pengumuman beberapa langkah cukai di bawah pakej rangsangan ekonomi, termasuklah penangguhan bayaran cukai untuk semua perniagaan dalam sektor pelancongan sehingga Disember 2020 dan penundaan bayaran cukai dari April hingga Jun 2020 untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Sekian, terima kasih.